



**MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR**  
**TINGKAT 5, BLOK B, PUSAT ISLAM ISKANDAR JOHOR**  
**JALAN MASJID ABU BAKAR**  
**80990 JOHOR BAHRU**

Permohonan adalah dipelawa kepada warganegara Malaysia khususnya kepada rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim yang berkelayakan dan berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut di Majlis Agama Islam Negeri Johor.

**A. NAMA JAWATAN**

| BIL | SKIM PERKHIDMATAN                     | GRED | TARAF JAWATAN | KEKOSONGAN |
|-----|---------------------------------------|------|---------------|------------|
| 1.  | Jurutera                              | J9   | Kontrak       | 1          |
| 2.  | Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam      | S5   | Kontrak       | 2          |
| 3.  | Penolong Jurutera                     | J5   | Kontrak       | 1          |
| 4.  | Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) | N1   | Kontrak       | 7          |
| 5.  | Pembantu Tadbir (Kewangan)            | W1   | Kontrak       | 2          |
| 6.  | Pembantu Khidmat Am                   | H1   | Kontrak       | 2          |

**B. JADUAL GAJI**

| BIL | JAWATAN                               | GRED | GAJI                     |
|-----|---------------------------------------|------|--------------------------|
| 1.  | Jurutera                              | J9   | RM2,250.00 - RM11,110.00 |
| 2.  | Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam      | S5   | RM1,650.00 - RM6,620.00  |
| 3.  | Penolong Jurutera                     | JA5  | RM1,650.00 - RM6,620.00  |
| 4.  | Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) | N1   | RM1,500.00 - RM4,680.00  |
| 5.  | Pembantu Tadbir (Kewangan)            | W1   | RM1,500.00 - RM4,680.00  |
| 6.  | Pembantu Khidmat Am                   | H1   | RM1,500.00 - RM4,680.00  |

### C. SYARAT LANTIKAN

- (i) Bagi semua jawatan, calon hendaklah beragama **Islam**
- (ii) **WARGANEGARA MALAYSIA**
- (ii) Berumur:-
  - (a) Tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan bagi lantikan kali pertama dalam Kerajaan.
  - (b) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh tutup iklan bagi kenaikan pangkat secara lantikan.

### D. PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Gaji permulaan yang lebih tinggi dalam gred-gred jawatan yang dipohon boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

### E. PENAKLUKAN DIBAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai – pegawai yang memasuki Skim Perkhidmatan yang berkenaan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan tersebut yang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa kemasa.

### F. TARIKH TUTUP IKLAN

Tarikh tutup permohonan adalah sebelum atau pada **02 MAC 2025**. Permohonan yang tidak lengkap dan lewat diterima daripada tarikh yang dinyatakan tidak akan dipertimbangkan.

### G. CARA PERMOHONAN

- (a) Semua permohonan jawatan kosong yang ditawarkan di Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) hendaklah dibuat melalui permohonan dalam talian dengan melayari laman sesawang yang telah disediakan oleh pihak MAINJ iaitu <https://myjawatan.maij.gov.my>

Adalah dimaklumkan bahawa, semua pemohon pekerjaan dinasihatkan agar mengemaskini maklumat nombor telefon dan emel bagi melancarkan urusan hebahan panggilan temu duga. Kesilapan mengisi maklumat tersebut akan menyebabkan hebahan panggilan temu duga tidak dapat diterima oleh calon.

- (b) Permohonan daripada calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan dengan menyertakan salinan kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini dan 3 laporan penilaian prestasi tahunan yang terakhir sepertimana mengikut peraturan 17 Bab A: Tahun 2005 di bawah peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat, dan Penamatan Perkhidmatan).

**H. NOTA/CATATAN KEPADA PEMOHON :**

- (a) Maklumat permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dengan butiran dan maklumat yang diperlukan.
- (b) Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak mengikut syarat seperti di dalam iklan akan **DITOLAK** serta merta.
- (c) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja yang akan dipanggil/ dihubungi untuk temuduga.
- (d) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh ENAM (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA**.
- (e) Segala perbelanjaan kerana menghadiri temu duga adalah ditanggung sendiri oleh pemohon.
- (f) Semua salinan dokumen hendaklah **DIAKUI SAH** oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan & Profesional/Penghulu/Ketua Kampung/Wakil Rakyat sebelum dimuat naik ke dalam sistem permohonan secara dalam talian.



**Ketua Pegawai Eksekutif  
Majlis Agama Islam Negeri Johor**

Tarikh : ~~17~~ Februari 2025  
Rujukan : MAIJ 1/45 Jld 3